

Rampas tanah, bina halangan

Lebih 100 pemilik tanah persendirian diberi notis kerana salah gunakan tanah jadi tempat buang sampah haram

■ NORAFIZA JAAFAR

GOMBAK - Tindakan membina halangan termasuk rampasan tanah akan dibuat melibatkan dua kawasan tapak pembuangan sampah haram di Sungai Kertas.

Pegawai Daerah Gombak, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, tindakan diambil selepas menerima arahan dari menteri besar yang membuat lawatan Jumaat lalu meminta masalah tersebut diselesaikan dalam tempoh dua minggu.

Menurutnya, notis pengosongan dan amaran telah dikeluarkan oleh pejabat tanah kepada pemilik persendirian di kawasan berkenaan berkuatkuasa serta-merta.

"Sekurang-kurangnya lebih 100 pemilik tanah persendirian dengan keluasan 15 ekar telah menerima notis tersebut selepas tanahnya disalah guna dengan memberi laluan kepada



Mohd Azizi (dua, kiri) dan Azmin melihat plan tanah pemilikan yang dijadikan tempat pembuangan sampah haram.

aktiviti pembuangan sampah.

"Di peringkat pejabat tanah kita dalam proses rampasan tanah me-

lalui borang 7A dan ada menerima bantahan pemilik yang mendakwa tidak terlibat dengan aktiviti tersebut

namun tindakan tegas diambil secara keseluruhan sebagai kawalan," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Sementara di peringkat Majlis Perbandaran Selayang (MPS) pula katanya, pembinaan parit, tembok dan perobohan rumah kongsi akan dilakukan dalam masa terdekat.

Yang Dipertua MPS, Mohd Azizi Mohd Zain berkata, bahagian kejuruteraan MPS telah ke lokasi untuk merangka plan pembinaan tembok dan parit.

"Dalam masa seminggu kita akan siapkan halangan mengikut spesifikasi yang bersesuaian untuk menyekat aktiviti dengan tidak membenarkan lori masuk ke lokasi.

"Perobohan rumah kongsi akan dijalankan esok (hari ini) dan merampas peralatan serta jentera dalam lokasi jika ada sebagai membanteras penempatan pekerja di

situ," katanya.

Jumaat lalu Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali telah membuat lawatan tapak di dua lokasi tempat pembuangan sampah haram di Sungai Kertas melibatkan tanah kerajaan yang diceroboh untuk aktiviti tersebut sehingga menyebabkan berlakunya kebakaran bulan lalu.

Dan satu lagi lokasi adalah jenis tanah pemilikan dan laluan pencawang TNB yang turut melakukan aktiviti sama.

Kali terakhir tindakan perobohan rumah kongsi di lokasi telah dijalankan oleh MPS pada 2013 sebelum beroperasi semula selepas beberapa bulan tindakan penguatkuasaan.

Difahamkan, Pejabat tanah dan MPS tidak meletakkan anggota di lokasi untuk kawalan namun tetap membuat pemantauan melalui pemeriksaan berkala.